

BAB 1 WARISAN NEGARA BANGSA

1.1 Latar Belakang Negara Bangsa Sebelum Kedatangan Barat

1. Kerajaan Alam Melayu mempunyai ciri-ciri pembentukan Negara bangsa sebelum kedatangan Barat.
Kerajaan manakah yang merupakan kerajaan yang terawal mempunyai ciri-ciri pembentukan negara bangsa ? (Ms2)

A Kerajaan Champa
B Kesultanan Johor - Riau
C Kesultanan Melayu Melaka
D Kerajaan Srivijaya

2. Antara yang berikut, ciri-ciri negara bangsa Alam Melayu sebelum Abad ke -15 terdiri daripada (Ms4)

I Lambang kebesaran
II Undang-undang
III Wilayah pengaruh
IV Kedaulatan

A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV

3. **Kerajaan Srivijaya**

Kerajaan yang manakah telah memberi asaskan yang kukuh untuk kerajaan Srivijaya muncul sebagai empayar yang terkenal ? (Ms5)

A Kesultanan Melayu Melaka
B Kerajaan Champa
C Kesultanan Johor- Riau
D Kerajaan Majapahit

1.2 Ciri-Ciri Negara Bangsa Kesultanan Melayu Melaka

4. Antara yang berikut, ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka yang manakah tidak dimiliki oleh kerajaan Alam Melayu sebelum Abad ke-15 ? (Ms6)

I Lambang kebesaran
II Undang-undang
III Wilayah pengaruh
IV Kedaulatan

A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV

5. **Raja menjadi tonggak utama kerajaan**

Kerajaan muncul disebabkan oleh adanya raja. Raja merupakan pemerintah tertinggi dan dibantu oleh pembesar. Sejak bilakah pemerintahan beraja di Melaka mulai menggunakan gelaran sultan ? (Ms6)

A Selepas kedatangan agama Hindu
B Selepas kedatangan agama Islam
C Selepas kedatangan Barat
D Selepas Kedatangan agama Buddha

6.

Raja menjadi tonggak utama kerajaan

Kesultanan Melayu Melaka mempunyai wilayah pengaruh yang luas merangkumi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu dan pantai timur Sumatera. (Ms7)
Wilayah pengaruh yang luas Kesultanan Melayu Melaka diperolehi melalui?

- A Penaklukan
- B Paksaan pembesar
- C Bantuan orang asing
- D Hubungan baik dengan kerajaan Srivijaya

1.3 Keunggulan Sistem Pentadbiran Dan Undang-Undang

7. Sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka mempunyai pentadbiran yang tersusun dan berhierarki. Ia dikenali sebagai (Ms8)

- A Sistem Kewangan
- B Sistem Pembesar Empat Lipatan
- C Sistem Keselamatan
- D Sistem Undang-undang

8.

Sultan Melaka memberi kuasa memerintah sesuatu wilayah, sungai dan pulau kepada Pembesar Berempat

Kawasan pentadbiran sesuatu wilayah yang diserahkan oleh Sultan Melaka kepada Pembesar Berempat dikenali sebagai (Ms8)

- A Kawasan naungan
- B Kawasan taklukan
- C Kawasan pegangan
- D Kawasan pengaruh

9.

Sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka terbahagi kepada pentadbiran pusat dan peringkat jajahan

Sistem pentadbiran di peringkat pusat dilaksanakan oleh Pembesar Berempat. Yang manakah berikut adalah tugas pembesar berempat yang betul (Ms9)

- I Bendahara menjalankan tugas ketua pentadbir
- II Laksamana dipertanggungjawabkan mengutip cukai
- III Syahbandar dilantik untuk menjaga keselamatan kota Melaka
- IV Penghulu Bendahari menguruskan perbendaharaan

- A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV

10. Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem keselamatan yang kemas untuk menjaga keselamatan di darat dan laut. Siapakah dilantik untuk menjaga keselamatan di kota Melaka ? (Ms 9)

- A Nakhoda
- B Penghulu Bendahari
- C Syahbandar
- D Temenggung

11.

Bendahara

Bendahara merupakan pembesar yang mempunyai tugas dan peranan yang sangat penting. Bendahara menjalankan tugas sebagai ketua pentadbir dan ketua tulus angkatan tentera.

Tugas bendahara adalah bersamaan dengan tugas siapa dalam sistem pentadbiran di Malaysia hari ini ? (Ms 9)

- A Menteri Kewangan
- B Menteri Hal Ehwal Dalam Negara
- C Perdana Menteri
- D Ketua Polis Negara

12.

Kesultanan Melayu Melaka mempunyai dua undang-undang yang berasaskan syariah dan hukum adat, iaitu Hukum Kanun Melaka dan (Ms10)

- A Undang-Undang Johor - Riau
- B Undang-Undang Pahang
- C Undang-Undang Laut Melaka
- D Undang-Undang 99 Perak

13.

Hukum Kanun Melaka dilaksanakan untuk menjamin kemakmuran dan kesejahteraan Kesultanan Melayu Melaka. Hukum Kanun Melaka mengandungi (Ms10)

- A 34 Fasal
- B 44 Fasal
- C 22 Fasal
- D 55 Fasal

14.

Hukum Kanun Melaka

Antara yang berikut, manakah betul berkaitan dengan Hukum Kanun Melaka (Ms 10)

- I Fasal 1 dijelaskan tugas Sultan, Bendahara, Temenggung dan Penghulu Bendahari
- II Fasal 4 dinyatakan hukuman bunuh kepada sesiapa yang ingkar arahan Sultan
- III Fasal 26 dinyatakan pernikahan tidak memerlukan saksi
- IV Fasal 30 dinyatakan amalan riba dibenarkan dalam urusan perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15.

Undang –Undang Laut Melaka

Undang-Undang Laut Melaka diperkenankan oleh Sultan Mahmud Shah. Undang-Undang ini mengandungi perkara berkaitan dengan (Ms11)

- A Kekeluargaan
- B Pelayaran
- C Peranan Sultan Dan Pembesar
- D Jenayah di darat

16. Percukaian yang sistematik dan adil dinyatakan dalam Undang-Undang Laut Melaka. Fasal 6.3 dinyatakan siapakah yang menentukan jumlah cukai dalam Undang-Undang Laut Melaka ? (Ms11)
- A Nakhoda
 - B Penghulu Bendahari
 - C Syahbandar
 - D Temenggung

1.4 Peranan Pemerintah Dan Rakyat

17. **Golongan pemerintah terdiri daripada sultan, pembesar, kerabat diraja dan ulama**

Masyarakat dalam kesultanan Melayu Melaka terbahagi kepada dua, iaitu golongan pemerintah dan diperintah.

Apakah peranan golongan pemerintah iaitu Sultan ? (Ms12)

- I Menjaga keselamatan rakyat
- II Memperkenalkan undang-undang untuk mengawal rakyat
- III Menjadi perantara antara sultan dengan rakyat
- IV Mengutip hasil melalui sistem serah dan sistem kerah

- A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV

18. **Waadat**

Apakah maksud konsep Waadat ? (Ms 12)

- A Rakyat bernaung di bawah pentadbiran sultan dan pembesar dan saling berkait antara satu sama lain
- B Rakyat berhak melakukan sesuatu mengikut kehendak sendiri
- C Rakyat tidak terikat kepada sebarang undang-undang
- D Rakyat bebas mengutip hasil melalui sistem serah

19. Apakah peranan rakyat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka (Ms13)

- A Mematuhi arahan pemerintah dan tidak menderhaka
- B Memelihara kebajikan rakyat
- C Menjaga keselamatan rakyat
- D Memperkenalkan undang-undang untuk mengawal rakyat

20. Hubungan baik antara pemerintah dan rakyat memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha menjamin kesejahteraan di Melaka. Rakyat menunjukkan taat setia kepada sultan dan tidak menderhaka kerana takut ..(Ms 13)

- A Ditimpa tulah
- B Dijadikan hamba
- C Dijadikan askar kerahan
- D Dijadi buruh paksaan